

Media: Kosmo

Date: 9 Aug 2019

Ajinomoto galak pengambilan sayur

SIHAT. Ajinomoto (Malaysia) Bhd. (AMB) bekerjasama dengan Jawatankuasa Bulan Pemakanan Malaysia 2019 (NMM) untuk menggalakkan pengambilan sayur-sayuran dalam kalangan murid sekolah rendah menerusi aktiviti jelajah di tiga buah sekolah di Lembah Klang baru-baru ini.

Menerusi kerjasama tersebut, Jawatankuasa NMM dan AMB turut menerbitkan buku kanak-kanak yang penuh informasi dan berwarna-warni bertajuk *Saya Suka Sayur-Sayuran*.

Bahan bacaan berkenaan diharapkan dapat mendidik

kanak-kanak supaya menghargai sayur-sayuran melalui penceritaan menarik tentang kaedah pemrosesan sayur-sayuran, bermula dari ladang sehingga ke meja makan.

AMB dalam siaran akhbar yang dikeluarkan berkata, sepanjang tahun 2019, pihaknya telah menjalankan 80 sesi untuk menggalakkan lebih banyak pengambilan sayur-sayuran serta menyemai tabiat pemakanan yang sihat dengan penyertaan seramai 16,000 pelajar dari Negeri Sembilan dan Melaka.



JAWATANKUASA NMM dan AMB bergambar bersama kumpulan murid yang menyertai sesi jelajah untuk menggalakkan pengambilan sayur di sekolah-sekolah di Kuala Lumpur baru-baru ini.